

18/09/2003

Syor mansuh faedah pinjaman rumah kakitangan awam

reports on "Dewan Rakyat" by Veena Rusli; Magendran Rajagopal
KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran mempertimbangkan pemberian insentif tambahan kepada kakitangan kerajaan sebagai menghargai sumbangan mereka terhadap pembangunan dan kemajuan ekonomi negara setakat ini.

Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) mencadangkan supaya faedah empat peratus bagi pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan dimansuhkan manakala faedah pinjaman membeli kenderaan dikurangkan kepada dua peratus.

"Ini bukan saja mengurangkan beban kewangan mereka, sebaliknya dapat meningkatkan kesetiaan terhadap kerajaan dan tidak lagi terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang sering mempersoalkan ganjaran kerajaan kepada mereka.

"Ini bukan gimik politik, tetapi hanya sekadar membalas jasa berdasarkan pengorbanan mereka untuk kemajuan negara," katanya dalam perbahasan peringkat dasar Bajet 2004.

Selain itu, beliau juga meminta Kementerian Pendidikan mempertimbangkan cadangan menjadikan menukar semua sekolah aliran Cina dan Tamil bantuan modal kepada bantuan penuh kerajaan.

Katanya tindakan itu akan dapat membantu wawasan kerajaan mengeratkan lagi hubungan perpaduan antara kaum dan selaras dengan dasar menerapkan semangat bangsa Malaysia di kalangan generasi muda.

Sehubungan itu, Mohamad Aziz meminta Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan merumus satu kaedah bagi menyediakan peruntukan untuk menukar semua sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh kerajaan.

Katanya, langkah itu juga secara tidak langsung menunjukkan pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan masyarakat Cina dan India negara ini dalam pembangunan sosio ekonomi.

Terdahulu, beliau meminta rakyat Malaysia berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara bulan depan kerana tanpa kewibawaan beliau negara tidak mungkin mencapai tahap kejayaan yang dinikmati kini.

Katanya, kewibawaan kepimpinan yang dinamik dan kemampuan membuat keputusan tanpa tunduk kepada tekanan atau ugutan pihak ketiga, khususnya Barat, menjadikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tokoh pujaan negara membangun dan dunia ketiga.